

11 NOV 1999

Mohamed-BN

JANGAN BIAR KEKECEWAAN MENGHANCURKAN PARTI, KATA TOK MAT

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Mohamed Rahmat mengingatkan semua anggota BN supaya tidak membiarkan kekecewaan, kerana tidak terpilih menjadi calon pada pilihan raya nanti, menghancurkan parti.

Katanya, semasa musim pilihan raya ini semangat kesetiaan kepada parti perlu tinggi bagi menentukan BN mendapat mandat lebih besar daripada rakyat.

"Bila dapat mandat kita boleh bentuk kerajaan kuat yang boleh tangani cabaran dan juga dugaan dari dalam dan luar negara," katanya ketika ditemui di ibu pejabat BN di sini hari ini.

Katanya, beliau yakin Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir yang menentukan calon-calon bertanding, membuat perkiraan dalam semua aspek sebelum pemilihan dibuat.

"Jadi yang tidak terpilih itu, jangan kecewa dan terus suntikkan semangat kecintaan kepada parti," katanya.

Mohamed yakin nama-nama calon yang akan bertanding akan diumumkan sehari sebelum hari penamaan calon.

"Nama calon tidak diumumkan awal kerana khuatir akan timbul masalah sebab isu ini sensitif," katanya sambil berharap semua komponen parti akan menerima calon yang diputuskan oleh Dr Mahathir.

Ketika ditanya sama ada nama-nama calon telah diberi kepada Perdana Menteri, beliau berkata, "Ketua-ketua perhubungan BN telahpun menimbang nama-nama calon yang difikirkan boleh menang."

Mengenai kemungkinan timbul dua parti komponen mahu bertanding di kawasan yang sama, beliau berkata masalah itu lazimnya akan dapat diatasi dalam semangat setiakawan dan demi perpaduan parti.

"Walaupun peringkat awal ada perasaan tak puas hati tetapi biasanya semangat parti itu menguasai segalanya," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau akan mempertahankan kawasan parlimen Pulai, beliau secara bersahaja berkata, "Boleh lagi ke?...dah tua dah."

--BERNAMA

NZ RI